



**LATIH TUBI SET 4**

Jawab **semua** soalan.  
Masa 1 jam 15 Minit

**BAHAGIAN A  
(20 MARKAH)**

Jawab **semua** soalan  
Masa yang dicadangkan untuk bahagian ini ialah **30 minit**

Soalan 1 hingga 20

Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan A, B, C dan D. Pilih satu jawapan yang terbaik bagi tiap-tiap soalan dan **bulatkan** jawapan anda di dalam kertas jawapan yang disediakan.

1. Bilangan rasul yang wajib diimani oleh umat Islam ialah seramai

A. 313 orang  
B. 5 orang  
C. 99 orang  
D. 25 orang

2. Islam sesuai diamalkan sepanjang zaman

Pernyataan di atas menerangkan konsep berikut

A. Rabbaniyyah  
B. Syumuliyah  
C. Waqi'iyah  
D. 'Alamiyyah

3. Hadis ialah \_\_\_\_\_

A. Perkataan dan perbuatan rasul  
B. Perkataan dan pengakuan Rasul  
C. Perkataan, perbuatan dan pengakuan Rasul  
D. Perkataan, perbuatan dan pengakuan Allah s.w.t

4. Waqi'iyah bermaksud ..... iaitu mampu diamalkan oleh semua golongan manusia

A. Praktikal  
B. Lengkap  
C. Tetap  
D. Tepat

5. Rukhsah bermaksud

A. Memendekkan waktu beribadah  
B. Kelonggaran dalam melaksanakan ibadah  
C. Mengumpulkan semua ibadat  
D. Ketetapan dalam melaksanakan ibadat

6. Berikut ialah cara menguruskan harta yang dianjurkan oleh Islam  
KECUALI

A. Mengeluarkan zakat

**LATIH TUBI SET 4**

- B. Memberi nafkah kepada ibu bapa  
C. Mengeluarkan sedekah kepada anak yatim  
D. Membelanjakan harta secara tidak berhemat
7. Pengertian hak milik dalam Islam ialah  
A. Harta yang dimiliki secara mutlak oleh orang Islam  
B. Harta yang dikurniakan oleh Allah s.w.t untuk dimanfaatkan  
C. Harta yang dikeluarkan untuk disedekah dan didermakan  
D. Harta yang diperolehi melalui perniagaan dan simpanan
8. Di antara syarat sesuatu pekerjaan diterima oleh Allah s.w.t ialah :  
A. Halal dan dibenarkan di sisi syarak  
B. Memberikan keuntungan yang besar  
C. Dipandang tinggi oleh masyarakat  
D. Makan gaji atau bekerja sendiri
9. Berikut adalah contoh amalan bida'ah KECUALI :  
A. Mandi bunga  
B. Memuja pantai  
C. Mencukur rambut bayi  
D. Memakai tangkal azimat
10. Ahmad telah mendapat keuntungan yang besar hasil daripada perniagaannya. Sebagai seorang Islam, apakah yang wajib dilakukannya sebagai tanda bersyukur kepada Allah s.w.t?  
i. Menunaikan hak-hak harta seperti mengeluarkan zakat  
ii. Memanfaatkannya untuk kepentingan orang ramai  
iii. Membelanjakan harta untuk sanak saudaranya  
iv. Membina rumah kediaman yang lebih besar  
A. i, ii dan iii  
B. ii, iii dan iv  
C. i, ii dan iv  
D. ii, iii dan iv
11. Manakah antara berikut menerangkan tentang perana akal.  
i. Memahami wahyu Allah s.w.t  
ii. Merekacipta alat yang membantu manusia  
iii. Memikirkan perkara-perkara sam'iyat  
iv. Memikirkan cara-cara untuk memelihara alam  
A. i, ii dan iii  
B. ii, iii dan iv  
C. i, ii dan iv  
D. ii, iii dan iv
12. Ciri-ciri Hadis Dhaif ialah :

**LATIH TUBI SET 4**

- i. Perawi yang thiqah
  - ii. Perawi yang fasiq
  - iii. Perawi yang lemah
  - iv. Perawi yang adil
- A. i dan ii
  - B. iii dan iv
  - C. ii dan iii
  - D. i dan iv
13. Islam membataskan hak milik kepada manusia agar :
- i. Manusia sedar tanggungjawab kepada Allah s.w.t
  - ii. Untuk mengelakkan manusia daripada bersikap sombong dan bakhil
  - iii. Supaya menjejaskan kepentingan orang lain
  - iv. Manusia sentiasa bersyukur dengan kurniaan Allah s.w.t
- A. i, ii dan iii
  - B. ii, iii dan iv
  - C. i, ii dan iv
  - D. ii, iii dan iv
14. Perlantikan seseorang hakim mestilah berdasarkan kelayakan tertentu iaitu
- i. Berilmu
  - ii. Berwibawa
  - iii. Berani dan tegas
  - iv. Beri hukuman tanpa ragu
- A. i, ii dan iii
  - B. ii, iii dan iv
  - C. i, iii dan iv
  - D. i, ii dan iv
15. Yang manakah di antara pernyataan berikut menerangkan akibat ajaran sesat kepada individu :
- i. Tergelincir akidah
  - ii. Dianggap sebagai munafik
  - iii. Terkeluar daripada agama Islam
  - iv. Terbatal syahadah
- A. i, ii dan iii
  - B. ii, iii dan iv
  - C. i, ii dan iv
  - D. i, iii dan iv

**LATIH TUBI SET 4**

16. Yang manakah di antara pernyataan berikut menerangkan kesan fahaman anti hadis
- i. Menerima Al-Quran yang diturunkan kepada nabi
  - ii. Hilang rasa hormat kepada nabi
  - iii. Umat Islam berpecah belah
  - iv. Ajaran Al-Quran tidak dapat difahami
- A. i, ii dan iii
  - B. ii, iii dan iv
  - C. i, ii dan iv
  - D. i, iii dan iv
17. Kelebihan sifat murunah ialah .....
- i. Menunjukkan sifat tolenrasi dan berhikmah
  - ii. Menarik minat orang bukan Islam
  - iii. Memastikan sifat riak berkembang
  - iv. Memastikan kesinambungan ajaran Islam
- A. i, ii dan iii
  - B. ii, iii dan iv
  - C. i, ii dan iv
  - D. i, iii dan iv
18. Cara untuk mensabitkan kesalahan dalam perundangan Islam ialah
- i. Pengakuan
  - ii. Kesaksian
  - iii. Pembuktian
  - iv. Kesahihan
- A. i, ii dan iii
  - B. ii, iii dan iv
  - C. i, iii dan iv
  - D. i, ii dan iv
19. Di bawah ini merupakan prinsip-prinsip Rabaniyyah kecuali
- A. Agama yang diwahyukan oleh Allah s.w.t. bukannya ciptaan manusia
  - B. Satu pegangan yang lengkap , jitu dan bersih dari dorongan hawa nafsu
  - C. Seluruh ciptaan makhluk adalah di bawah pentadiran Allah s.w.t
  - D. Seluruh makhluk mempunyai kuasa mentadbir.

**LATIH TUBI SET 4**

20. Antara berikut manakah padanan yang benar tentang kesalahan dan perkara yang merosakkan ibadat.

		PERKARA YANG MEROSAKKAN IBADAT
i	Munafik	Berpura-pura menganut dan patuh kepada ajaran Islam sedangkan hatinya tidak memercayainya
ii	Takbur	Menunjuk-nunjuk amalan baik yang telah dilakukannya kepada orang lain
iii	Riak	Sikap membesarkan diri seperti sombong dan angkuh dengan perkara-perkara kebaikan
iv	Hasad dengki	Iri hati atau rasa benci dengan nikmat dan kebaikan yang diperolehi oleh orang lain

- A. i dan ii  
 B. ii dan iii  
 C. iii dan iv  
 D. i dan iv

**BAHAGIAN B  
 (20 MARKAH)**

Jawab **semua** soalan

Masa yang dicadangkan untuk bahagian ini ialah **45 minit**

1. Berikut ialah beberapa pernyataan tentang sistem muamalat Islam.

Tuliskan jawapan yang bersesuaian dengan pernyataan berikut di dalam ruangan yang disediakan.

- a) Satu tatacara perhubungan sesama manusia untuk memenuhi keperluan manusia berdasarkan syarak.

- b) Satu perjanjian yang membolehkan seseorang itu mengambil manfaat daripada milik orang lain dengan membayar bayaran tertentu.

- c) Menjadikan sesuatu barangan yang berharga sebagai cagaran bagi sesuatu hutang.


**LATIH TUBI SET 4**

- d) Pertambahan dalam urusan pinjaman hutang piutang atau pertukaran barangan sejenis atau tambahan bayaran bagi sesuatu hutang.

2. Lengkapkan pernyataan di bawah.

- a) Islam menggalakkan umatnya berkahwin untuk mengembangkan \_\_\_\_\_ secara sah.
- b) Perkahwinan adalah \_\_\_\_\_ Rasulullah s.a.w.
- c) Nikah bermaksud ikatan yang teguh antara lelaki dan perempuan melalui \_\_\_\_\_ yang sah.
- d) Isteri hendaklah \_\_\_\_\_ kepada suami dalam semua perkara yang tidak bertentangan dengan perintah Allah s.w.t

3. Carta di bawah menunjukkan proses kehakiman di dalam perundangan Islam.



- a) Nyatakan apakah X :

X : \_\_\_\_\_

**LATIH TUBI SET 4**

b) Tuliskan tiga syarat bagi X .

i. \_\_\_\_\_

ii. \_\_\_\_\_

iii. \_\_\_\_\_

4. Tandakan sama ada pernyataan berikut **benar** ATAU **salah** dengan menandakan ( / ) pada kotak berkenaan.

	<i>BENAR</i>	<i>SALAH</i>
a) Syurga, neraka, kiamat adalah antara contoh alam musyahadah.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
b) Membelanjakan harta secara tidak berhemat merupakan salah satu perkara merosakkan harta.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
c) Segala peraturan dan perundangan Islam dicipta oleh Nabi Muhammad s.a.w	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
d) Ijtihad ialah persetujuan di antara ulamak mengenai hukum selepas kewafatan Rasulullah s.a.w.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
e) Qisas ialah hukuman yang ditetapkan oleh Allah s.w.t	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
f) Muamalah Islam menggalakkan umat Islam mencari harta untuk simpanan peribadi.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>

**SOALAN KERTAS 1 TAMAT**

## KERTAS JAWAPAN

## Bahagian A

- |    |   |   |   |   |    |   |   |   |   |
|----|---|---|---|---|----|---|---|---|---|
| 1  | A | B | C | D | 11 | A | B | C | D |
| 2  | A | B | C | D | 12 | A | B | C | D |
| 3  | A | B | C | D | 13 | A | B | C | D |
| 4  | A | B | C | D | 14 | A | B | C | D |
| 5  | A | B | C | D | 15 | A | B | C | D |
| 6  | A | B | C | D | 16 | A | B | C | D |
| 7  | A | B | C | D | 17 | A | B | C | D |
| 8  | A | B | C | D | 18 | A | B | C | D |
| 9  | A | B | C | D | 19 | A | B | C | D |
| 10 | A | B | C | D | 20 | A | B | C | D |

<b>BAHAGIAN A</b>

**LATIH TUBI SET 4****KERTAS 2  
MASA 2 JAM 30 MINIT****(100 MARKAH)**

Jawab Lima soalan.

Soalan **1 wajib** dijawab dan pilih **empat** soalan yang lain.

1. a. Akal adalah anugerah Allah S.W.T yang tidak ternilai kepada manusia.
  - (i) Apakah maksud akal ? (2 markah)
  - (ii) Jelaskan dua ciri akal manusia. (4 markah)
  - (iii) Penggunaan akal semata-mata tidak mampu menyelesaikan masalah manusia.  
Berikan dua hujah anda untuk menyokong kenyataan di atas. (4 markah)
- b. Hadis adalah sumber rujukan kedua selepas Al-Quran
  - i. Nyatakan dua kepentingan hadis. (4 markah)
  - ii. Berikan **tiga** perbezaan antara hadis sahih dan hadis dhaif (6 markah)
2. a. (i) Terangkan maksud Syumuliyah. (2 markah)  
(ii) Jelaskan **dua** prinsip dalam Syumuliyah (4 markah)  
(iii) Kesempurnaan Islam meliputi segala bidang yang menjadi keperluan manusia.  
Huraikan kesempurnaan tersebut dalam bidang ekonomi, perundangan dan sosial. (4 markah)
- b. Ibadat merupakan tanggungjawab manusia terhadap Allah S.W.T.  
Terangkan perbezaan ibadat umum dan ibadat khusus beserta contoh. (4 markah)
- c. Ajaran Islam sesuai diamalkan sepanjang zaman.  
Jelaskan pernyataan di atas dari sudut kewajipan menutup aurat. (6 markah)

**LATIH TUBI SET 4**

3. a. Islam menetapkan beberapa peraturan pemilikan harta untuk mewujudkan keamanan.
- (i) Terangkan **dua** peraturan tersebut. (4 markah)
  - (ii) Jelaskan **tiga** tujuan Islam menetapkan batasan pemilikan harta. (6 markah)
- b. Islam melarang pencerobohan harta.
- (i) Jelaskan **dua** punca berlakunya pencerobohan harta. (4 markah)
  - (ii) Nyatakan langkah-langkah untuk membendung masalah pencerobohan harta. (6 markah)
4. a. Bekerja merupakan ibadah kepada Allah S.W.T.
- (i) Terangkan maksud bekerja kerana Allah S.W.T. (2 markah)
  - (ii) Jelaskan syarat-syarat yang membolehkan sesuatu pekerjaan itu dianggap sebagai ibadah. (4 markah)
  - (iii) Islam sangat mengutamakan etika dalam segala urusan. Terangkan **dua** etika kerja menurut Islam. (4 markah)
- b. Islam menggalakkan umatnya mengumpulkan seberapa banyak harta untuk dinikmati.
- (i) Nyatakan **dua** perkara yang boleh merosakkan harta. (4 markah)
  - (ii) Jelaskan **tiga** peranan harta dalam memberi kebahagiaan hidup dunia dan akhirat. (6 markah)
5. a. Sistem kehakiman Islam mempunyai matlamat tertentu.
- (i) Nyatakan dua matlamat sistem kehakiman Islam. (4 markah)
  - (ii) Huraikan **tiga** sumber utama perundangan Islam. (6 markah)
- b. Dalam prosedur kehakiman Islam, hakim tidak boleh menjatuhkan hukum dalam keadaan marah.  
Kemukakan kepentingan prosedur di atas. (4 markah)
- c. Jelaskan ciri-ciri sistem sosial Islam. (6 markah)

**LATIH TUBI SET 4**

6. a. Khalifah dan rakyat mempunyai tanggungjawab dalam membangunkan Negara.
- (i) Jelaskan pengertian khalifah (2 markah)
  - (ii) Nyatakan **dua** ciri khalifah Islam. (4 markah)
  - (iii) Jelaskan implikasi pengabaian tanggungjawab rakyat (4 markah)
- b. Syura adalah satu daripada elemen penting dalam pemerintahan Islam.
- (i) Terangkan maksud Majlis Syura. (2 markah)
  - (ii) Nyatakan apakah kesan jika syura tidak dilaksanakan dalam pemerintahan. (4 markah)
- c. Matlamat perundangan Islam ialah menjamin kesejahteraan hidup manusia. Huraikan bagaimanakah matlamat tersebut dapat dicapai. (4 markah)
7. a. Berkahwin adalah cara terbaik untuk menghindari penyakit sosial seperti zina, rogol, sumbang mahram dan seks di luar tabii.
- (i) Berdasarkan pernyataan di atas, berikan pengertian perkahwinan dalam Islam. (2 markah)
  - (ii) Terangkan **dua** tanggungjawab suami untuk membentuk keluarga yang bahagia. (4 markah)
  - (iii) "Kasih sayang" adalah unsur yang terpenting dalam pembentukan rumahtangga yang harmoni. Jelaskan **dua** cara untuk memupuk sifat tersebut. (4 markah)
- b. Jelaskan kesan buruk situasi di bawah.
- (i) Hubungan cinta tanpa nikah. (2 markah)
  - (ii) Anak yang lari dari rumah. (2 markah)
- c. Huraikan **tiga** keunggulan institusi kekeluargaan Islam. (6 markah)

**KERTAS SOALAN TAMAT**

**LATIH TUBI SET 4****SKEMA KERTAS 1**  
**BAHAGIAN A**

- |       |       |       |       |       |
|-------|-------|-------|-------|-------|
| 1. D  | 2. D  | 3. C  | 4. A  | 5. B  |
| 6. A  | 7. A  | 8. A  | 9. B  | 10. A |
| 11. C | 12. D | 13. C | 14. A | 15. D |
| 16. B | 17. C | 18. A | 19. D | 20. D |

**BAHAGIAN B**

1.
  - a. Muamalat
  - b. Ijarah / sewaan
  - c. Ar-Rahnu / gadaian
  - d. Riba / faedah
2.
  - a. Keturunan / zuriat / nasab / generasi
  - b. sunnah
  - c. Akad
  - d. Taat / patuh
3.
  - a. X : Kesaksian
  - b.
    - i. Adil
    - ii. Amanah
    - iii. Bebas dari syak wasangka
4.
  - a. Salah
  - b. Salah
  - c. Salah
  - d. Benar
  - e. Benar
  - f. Salah

**SKEMA KERTAS 2**

<b>NO. SOALAN</b>	<b>JAWAPAN</b>	<b>MARKAH</b>
1.	a. (i) Maksud akal ialah : Daya upaya berfikir yang dikurniakan oleh Allah S.W.T kepada manusia untuk membezakannya dengan haiwan.	(2 markah)
	(ii) Dua ciri akal manusia ialah: - Akal boleh membezakan manusia dan haiwan. - Akal manusia boleh berkembang.	2 isi x 2m (4 markah)
	(iii) Dua hujah penggunaan akal tidak mampu menyelesaikan masalah ialah : - Kebenaran akal bersifat realatif dan berubah. - Akal mudah dipengaruhi hawa nafsu. - Akal terdedah kepada kesilapan. - Tidak dapat memikirkan perkara ghaib. - Kemampuan akal terbatas.	2 isi x 2m (4 markah)

**LATIH TUBI SET 4**

- b. (i) Dua kepentingan hadis ialah :
- Menguatkan hukum di dalam al-Quran.
  - Menghuraikan nas-nas al-Quran yang mujmal.
  - Mentakhsiskan maksud nas-nas yang umum.
  - Membatasi hukum nas-nas yang mutlak.
- 2 isi x 2m  
(4 markah)

- (ii) Dua perbezaan antara Hadis Sahih dan Hadis Dhaif ialah :

Hadis Sahih	Hadis Dhaif	
<ul style="list-style-type: none"> <li>- Perawinya adil dan thiqah</li> <li>- Sanad yang bersambung</li> <li>- Tidak dapat sebarang kecacatan</li> <li>- Diterima oleh jumhur ulama</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Perawinya fasiq</li> <li>- Sanad gugur seorang perawi</li> <li>- Terdapat kecacatan yang mencatatkan hadis</li> <li>- Ditolak oleh sebahagian besar ulama</li> </ul>	3 isi x 2 m (6 markah)

**NO.  
SOALAN****JAWAPAN****MARKAH**

2. a. (i) Syumuliyah ialah :  
Ajaran Islam adalah sempurna dan menyeluruh dalam semua aspek kehidupan manusia
- (2 markah)
- (ii) Kesempurnaan Islam yang menjadi keperluan manusia ialah :
- Bidang ekonomi  
Islam menggariskan cara bermuamalat dengan tidak menindas.
  - Bidang sosial  
Islam menggariskan peraturan dalam pergaulan
  - Bidang perundangan  
Islam menetapkan hukuman yang adil bagi setiap kesalahan
- 3 isi x 2m  
(6 markah)
- (iii) Dua prinsip syumuliyah ialah:
- Kesempurnaan hanya milik Allah S.W.T
  - Semua makhluk terikat dengan masa, tempat dan ruang.
- 2 isi x 2m  
(4 markah)
- b. Perbezaan Ibadat Umum dan Ibadat Khusus ialah

Ibadat Umum	Ibadat Khusus	
Amalan harian yang dilakukan bertepatan dengan ajaran Islam dan diniatkan kerana Allah. Contohnya : Bekerja	Segala perbuatan yang dilakukan oleh setiap individu secara khusus berhubung dengan Allah. Contohnya : Solat	2 isi x 2m (4 markah)



**LATIH TUBI SET 4**

- b. (i) Dua perkara yang boleh merosakkan harta :
- Berlaku vandalisme
  - Berbelanja untuk perkara maksiat.
  - Tidak bersyukur dengan harta yang diperolehi. 2 isi x 2m
  - Menggunakan harta dengan cara yang tidak betul aturannya. (4 markah)
  - “membekukan” wang yang dimiliki.
- (ii) Tiga peranan harta dalam memberi kebahagiaan hidup di dunia dan di akhirat ialah :
- Harta dapat merapatkan hubungan sesama manusia.
  - Harta sebagai alat untuk beribadat kepada Allah s.w.t 3 isi x 2m
  - Harta sebagai alat untuk menikmati kehidupan yang lebih selesa. (6 markah)
  - Harta sebagai alat untuk menambahkan ilmu pengetahuan.
5. a. (i) Dua matlamat sistem kehakiman Islam ialah :
- Menegakkan keadilan
  - Menentang kezaliman 2 isi x 2m
  - Membela yang dizalimi (4 markah)
- (ii) Tiga sumber utama perundangan Islam :
- Al-Quran iaitu kalam Allah S.W.T yang diturunkan kepada Nabi Muhammad S.A.W melalui Malaikat Jibril.
  - Al-Hadis iaitu perkataan, perbuatan dan pengakuan Nabi Muhammad s.a.w. 3 isi x 2m
  - Al-Ijmak iaitu hasil ijtihad majoriti ulama dalam sesuatu perkara yang tidak jelas nasnya. (6 markah)
  - Al-Qias ialah menyandarkan/menghubungkan sesuatu hukum yang tiada hukumnya mengikut nas kepada sesuatu hukum asal yang ada nas kerana wujud persamaan sebab dan musabab.
- b. Hakim tidak boleh menjatuhkan hukuman ketika dalam keadaan marah kerana :
- Mengelakkan daripada berlaku ketidakadilan.
  - Supaya hukuman yang dijatuhkan tidak mengikut emosi. 2 isi x 2m
  - Mengelakkan daripada penganiayaan dan kezaliman. (2 markah)
- c. Ciri-ciri sistem sosial Islam ialah :
- Pergaulan mengikut lunas-lunas Islam.
  - Mengamalkan akhlak mulia
  - Berpandukan al-Quran dan Hadis
  - Mengutamakan kepentingan umum daripada individu. 3 isi x 2m
  - Perhubungan atas dasar takwa dan keimanan. (6 markah)

**LATIH TUBI SET 4**

6. a. (i) Khalifah ialah :
- Pengganti nabi dalam urusan menegakkan agama dan mentadbir urusan dunia.
- (2 markah)
- (ii) Dua ciri khalifah Islam :
- Memiliki keadaan fizikal yang sihat
  - Pengetahuan yang luas
  - Mempunyai keyakinan diri.
  - Mengetahui matlamat serta hala tuju organisasi.
  - Memiliki semangat yang kuat.
  - Cekap membuat keputusan.
  - Dapat mengawal emosi dan rasional.
  - Adil dalam pentadbiran
  - Menguasai teknik-teknik berkomunikasi.
  - Mampu bertindak sebagai penasihat.
- 2 isi x 2m  
(4 markah)
- (iii) Implikasi pengabaian tanggungjawab rakyat.
- 1- Keruntuhan akhlaq dan jatidiri.
  - 2- Mengabaikan tugas amar makruf dan nahi mungkar.
  - 3- Peningkatan gejala sosial dan jenayah.
  - 4- Pertahanan negara lemah.
  - 5- Kemunduran dalam aspek ekonomi, sosial dan pentadbiran negara.
- b. (i) Majlis Syura ialah :
- Badan pemesyuaratan tertinggi negara yang terdiri daripada khalifah, ulama dan mereka yang pakar dalam bidang tertentu.
- (2 markah)
- (ii) Kesan jika syura tidak dilaksanakan dalam pemerintahan:
- Akan mewujudkan persengketaan.
  - Keputusan yang dibuat tidak dapat dilaksanakan.
  - Tidak akan mendapat idea-idea yang bernas.
  - Jauh dari rahmat Allah.
- 2 isi x 2m  
(4 markah)
- c. Cara mencapai matlamat perundangan Islam
- 1- Berpegang teguh dengan peraturan Allah SWT.
  - 2- Bertindak mengikut ajaran Islam
  - 3- Mengamalkan cara hidup Islam
  - 4- Mencintai kesejahteraan hidup dunia dan akhirat
  - 5- Melaksanakan perundangan Islam dalam kehidupan
  - 6- Berfikir, mengkaji serta mengakui kebenaran ajaran Islam.
- 2 isi x 2m  
(2 markah)



**CATATAN**

CATATAN